

KESIHATAN MANUSIA

KESIHATAN ALAM SEKITAR

KOMITED TERHADAP
KEJUJURAN
INTEGRITI
KESAKSAMAAN

Standard Tatalaku Perniagaan





ROBERT F. FRIEL, PENGERUSI DAN CEO

PENGENALAN

Di PerkinElmer kita menjalankan perniagaan kita dengan standard etika tertinggi dan komited terhadap kejujuran, integriti dan kesaksamaan. Amalan perniagaan bertanggungjawab diterapkan ke dalam segala yang kita lakukan dan warisi dalam nilai teras dan standard tatalaku perniagaan Syarikat kita. Pendekatan ini adalah kritisik kepada kejayaan Syarikat dan keupayaan kita untuk membina dan mengekalkan perhubungan antara satu sama lain, pelanggan, rakan kongsi dan pemegang saham sambil menyampaikan hasil yang boleh kita banggakan.

Misi kita untuk meningkatkan kesihatan manusia dan alam sekitar bukan sahaja bermula dengan menjadi warga korporat yang baik, ia sebenarnya bergantung padanya. Amalan pentadbiran korporat kita yang kukuh dan program latihan pekerja memastikan Syarikat dapat beroperasi dengan efektif, konsisten dan beretika di dalam komuniti global.

Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mematuhi semua undang-undang yang digunakan pakai dan menggunakan pertimbangan peribadi yang baik apabila membuat keputusan. Kita mesti sentiasa sedar akan tindakan kita dan impaknya terhadap pasaran, alam sekitar dan komuniti kita. Kita telah mewujudkan proses penilaian dan mekanisme penjejakan untuk memastikan tindakan yang bertentangan dengan standard tatalaku perniagaan dan nilai dikenal pasti dengan pantas dan ditangani dengan segera. Kelakuan yang bertentangan dengan nilai kita tidak ditoleransi oleh Syarikat.

Sambil kita terus mengembangkan keupayaan kita dan memperbesarkan organisasi kita, kita semua mesti menuntut peringkat etika dan integriti yang tertinggi daripada satu sama lain dan rakan kongsi kami. Dengan berbuat demikian, kita akan terus memastikan bahawa cara untuk menjalankan perniagaan adalah penuh bermakna sama seperti penyelesaian yang kita sediakan.

Yang Ikhlas,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "R.F. Friel".

Robert F. Friel

Pengerusi dan CEO

JADUAL KANDUNGAN

NILAI ETIKA DAN PERNIAGAAN PERKINELMER

1



HUBUNGAN PERKINELMER

2



PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

5



KONFLIK KEPENTINGAN

9



PERLINDUNGAN ASET PERKINELMER

12



TRANSAKSI DENGAN KERAJAAN A.S.

15



PENGUATKUASAAN STANDARD
TATALAKU PERNIAGAAN

17



NILAI ETIKA DAN PERNIAGAAN PERKINELMER



Tujuan

Standard Tatalaku Perniagaan PerkinElmer ("Standard") mengenal pasti nilai dan prinsip yang membimbing hubungan perniagaan kita. Kita menjalankan perniagaan dan bekerja bersama-sama dengan kesedaran etika yang kukuh. PerkinElmer komited kepada keikhlasan, integriti dan keadilan dalam segala yang kita lakukan, jadi aktiviti-aktiviti kita memberi gambaran positif terhadap pemegang saham kita, pasaran yang kita ceburi, masyarakat, dan kita sendiri. Prinsip-prinsip ini bukanlah baru di PerkinElmer. Ia sekadar merupakan pernyataan semula polisi kita yang lama dipatuhi iaitu semua perniagaan yang dijalankan oleh kakitangan dan wakil PerkinElmer akan dijalankan secara beretika dan mematuhi semua undang-undang yang berkaitan.

Membuat keputusan beretika memerlukan pemahaman tentang nilai dan prinsip peribadi dan nilai dan prinsip PerkinElmer disertakan dengan pertimbangan peribadi yang baik. Anda memainkan peranan yang paling penting dalam proses membuat keputusan beretika dan, dengan itu, dalam pelaksanaan standard etika PerkinElmer.

Keberkaitan

Pengurus PerkinElmer bertanggungjawab membincangkan standard ini dengan semua kakitangan di dalam organisasi mereka untuk memastikan peruntukan-peruntukannya difahami

dan dipatuhi. Setiap pengurus bertanggungjawab untuk mengamalkan penyeliaan yang teliti untuk memastikan gelagat perniagaan yang beretika dan mematuhi undang-undang di kalangan kakitangan yang di bawah tanggungjawab pengendalian pengurus. Setiap pekerja juga mempunyai tanggungjawab secara langsung untuk mematuhi peruntukan-peruntukan Standard ini dan untuk mengambil inisiatif untuk mendapatkan bantuan atau penjelasan bagi mengelakkan keputusan perniagaan yang tidak beretika atau menyalahi undang-undang.

Apabila ragu-ragu mengenai sesuatu isu etika, tanya kepada diri anda soalan-soalan berikut:

- Jika tindakan ini diketahui, adakah ia akan merosakkan nama baik PerkinElmer atau mana-mana individu, termasuk diri saya sendiri?
- Adakah saya akan berasa malu jika orang lain mengetahui saya mengambil tindakan ini?
- Jika situasi ini diterbalikkan, bagaimanakah perasaan saya sebagai penerima tindakan ini?
- Adakah terdapat tindakan alternatif yang tidak menimbulkan konflik etika?
- Perlukah saya berbincang dengan seseorang yang berkuasa di PerkinElmer sebelum saya mengambil tindakan ini?

Pengurus anda boleh menjadi sumber nasihat anda yang pertama mengenai hal-hal etika. Secara alternatif, anda juga boleh melaporkan sebarang keimbangan mengenai etika atau kepatuhan melalui telefon atau melalui elektronik kepada Talian Penting Etika PerkinElmer atau secara terus kepada mana-mana pegawai syarikat yang disenaraikan di akhir dokumen ini. Untuk butiran lanjut, lihat "Prosedur Membuat Laporan" di hujung Standard ini.

HUBUNGAN PERKINELMER



Anda dan PerkinElmer

Sebagai kakitangan PerkinElmer, anda akan dilihat sebagai gambaran Syarikat. Ini adalah hakikatnya semasa waktu tidak kerja serta waktu kerja juga. Anda dikehendaki setia dan taat kepada prinsip keikhlasan, integriti dan keadilan Syarikat dan tanggungjawab pekerjaan anda, dan berkelakuan secara beretika yang membanggakan diri anda dan Syarikat.

Membuat keputusan beretika memerlukan pemahaman tentang nilai dan prinsip peribadi dan nilai dan prinsip PerkinElmer disertarkan dengan pertimbangan peribadi yang baik. Anda memainkan peranan yang paling penting dalam proses membuat keputusan beretika dan, dengan itu, dalam pelaksanaan standard etika PerkinElmer

Hubungan dengan dan antara Pekerja

PerkinElmer komited sepenuhnya kepada peluang yang sama tanpa mengira usia, jantina, bangsa, agama, warna kulit, orientasi seksual, negara asal, kehilangan upaya atau status lain yang dilindungi. Kita menghormati perbezaan latar belakang, pengalaman dan perspektif yang dibawa oleh individu ke PerkinElmer. Kita berminat mengambil sebagai pekerja orang berintegriti yang kita percaya akan menjadi pekerja berprestasi unggul.

Kita mengharapkan semua pekerja menerima dan menghormati satu sama lain sebagai setaraf, dengan sikap bekerjasama, berbudi bahasa dan bertimbang rasa. Tidak ada individu atau kumpulan yang akan dianggap "kelas kedua." PerkinElmer tidak akan menerima tatalaku mananya kakitangan yang mengacau, mengganggu, menggendaikan atau campur tangan dalam pelaksanaan kerja kakitangan lain atau yang menimbulkan persekitaran kerja yang menakutkan, menyakitkan, menganiaya atau bermusuhan.

Kita menyokong dan menghormati perlindungan hak asasi manusia antarabangsa di dalam lingkungan pengaruh kita, memastikan bahawa kita tidak bersubahat dalam pelanggaran hak asasi manusia dan berusaha untuk mewajibkan rakan kongsi perniagaan dan pembekal kita berbuat yang sama. Kita mematuhi undang-undang dan keperluan buruh kanak-kanak tempatan untuk pekerja.

PerkinElmer memastikan bahawa tiada buruh penjara yang dipaksa, terikat atau tidak sukarela digunakan dalam pengeluaran produk dan perkhidmatan PerkinElmer; dan keseluruhan syarat pekerjaan adalah berbentuk sukarela. Kita menghormati hak pekerja untuk membentuk persatuan berpandukan undan-undang tempatan dan amalan yang telah ditetapkan.

PerkinElmer berdedikasi mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan mematuhi undang-undang yang mengawal keselamatan dan kesihatan tempat kerja. Anda perlu sentiasa mematuhi peraturan-peraturan keselamatan, persekitaran dan kesihatan yang telah diwujudkan, dan anda perlu merasakan bahawa langkah berjaga-jaga yang dibuat untuk kesihatan dan keselamatan dalam semua kerjaya dibuat oleh anda dan oleh Syarikat. Laporkan dengan segera kepada pihak pengurusan yang berkaitan tentang sebarang insiden atau kecederaan yang dialami semasa kerja, atau jika anda mempunyai sebarang kebimbangan tentang persekitaran, kesihatan atau keselamatan. Tindakan yang sesuai dan tepat pada masanya akan diambil untuk membetulkan keadaan yang tidak selamat.

Demi menjamin tujuan keselamatan, kualiti dan pertimbangan terhadap kakitangan lain, semua tempat kerja di seluruh Syarikat adalah bebas

alkohol dan dadah yang menyalahi undang-undang. Tiada kerja akan dilaksanakan atau mana-mana mesin dikendalikan oleh sesiapa di bawah pengaruh bahan berkenaan. Begitu juga, kelakuan ganas atau ancaman keganasan tidak akan ditoleransi.

Tugas utama pengurus anda ialah untuk membolehkan anda melakukan kerja anda dengan unggul dan cekap, membolehkan anda melaksanakan kerja anda dengan cara yang menghasilkan produk dan perkhidmatan yang unggul yang memuaskan hati pelanggan. Jika anda mendapati keadaan yang di luar kawalan anda menjadikannya mustahil untuk melaksanakan kerja anda sebegini, bincangkan dengan pengurus anda secepat mungkin agar beliau boleh mengambil tindakan pembetulan.

peluang perniagaan. Jika kita terlibat dalam cadangan, persiapan membida, atau perundingan kontrak, semua kenyataan, komunikasi dan perwakilan kepada bakal pelanggan mestilah lengkap, tepat dan benar. Apabila berjaya mendapatnya, semua kontrak mestilah dilaksanakan dengan mematuhi spesifikasi dan keperluan kontrak yang berkaitan.

Kualiti dan integriti produk dan perkhidmatan kita juga adalah pertimbangan utama kami. Pelanggan kita membeli daripada PerkinElmer kerana kita menjual produk dan perkhidmatan yang berkualiti unggul. Unggul bermakna produk dan perkhidmatan kita berprestasi lebih baik daripada yang lain yang terdapat di pasaran dan kita melayani pelanggan kita dengan adil, dengan kejujuran dan rasa hormat. Kualiti dibina ke dalam produk kita, bermula dengan konsep dan reka bentuk, melalui



Hubungan dengan Pelanggan

PerkinElmer berbangga dengan hubungan erat dan baik yang telah kita bina dengan pelanggan kita sambil kita bekerja bersama mereka untuk memenuhi keperluan mereka yang berubah-ubah. Hubungan ini merupakan kunci kejayaan kita dan membina pertalian yang berjaya seperti ini telah memakan masa. Matlamat kita ialah membekalkan produk, perkhidmatan dan sokongan susulan yang unggul pada harga berpatutan. Kita akan maju hanya jika kita menjangka keperluan pelanggan-pelanggan kita yang berubah-ubah dan bersedia untuk bertindak dan memenuhi keperluan-keperluan tersebut.

Kita akan mematuhi undang-undang dan peraturan yang mengawal perolehan barang dan perkhidmatan oleh pelanggan kita. Kita akan bersaing dengan adil dan beretika untuk semua

kejuruteraan pengilangan, pengeluaran dan ujian. Kualiti bermaksud perkhidmatan kita dijalankan menurut standard tinggi kita dan pelanggan diberikan maklumat yang lengkap dan tepat. Kualiti adalah tanggungjawab setiap seorang daripada kita yang mengendalikan produk atau memberi perkhidmatan sepanjang kitaran hayat produk atau perkhidmatan. Anda perlu menarik perhatian pihak pengurusan mengenai sebarang kemerosotan dalam kawalan kualiti atau prosedur ujian dan pemeriksaan.

Hubungan dengan Penjual

Penjual yang menyediakan komponen dan perkhidmatan berkualiti merupakan sebahagian penting daripada keupayaan PerkinElmer untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan unggul bagi para pelanggan kita. Kita mengharapkan para

HUBUNGAN PERKINELMER

penjual kita merupakan mereka yang berintegriti yang menghasilkan komponen-komponen bermutu sangat baik, dengan penghantaran tepat pada waktunya dan pada harga yang kompetitif. PerkinElmer akan sentiasa menggunakan amalan perniagaan beretika tertinggi dalam pemilihan sumber, perundingan, dan pentadbiran semua aktiviti pembelian. Kita akan menghormati dan menjaga maklumat proprietari dan rahsia perniagaan para penjual kita.

Hubungan dengan Pesaing

Hubungan dengan para pesaing sentiasa memerlukan kebijaksanaan. Isu undang-undang antipakatan sentiasa ada dan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Standard ini. Secara semula jadi, kita berminat dengan maklumat tentang pesaing kita yang boleh diperoleh melalui sumber awam atau sumber lain yang menghormati privasi peribadi dan kepentingan proprietari pesaing kita. Kita akan mematuhi standard kelakuan adil dan kesahan dari segi undang-undang apabila mendapatkan maklumat ini.

Kita akan bersaing atas dasar harga dan prestasi produk atau perkhidmatan kita, perkhidmatan kita, sokongan, dan jaminan, dan ketepatan masa dan tahap responsif kita.

Hubungan dengan Masyarakat

Kita berharap untuk menyediakan untuk masyarakat di mana kita menetap dan bekerja orang-orang yang mampu membantu dalam tugas kepimpinan di kalangan masyarakat. Setakat mana tugas-tugas luar ini sesuai dengan minat anda dan tidak mengganggu pelaksanaan kerja anda, kami menggalakkan anda melakukannya.

Bagi sebarang tugas luar yang melibatkan jumlah masa yang signifikan semasa waktu kerja biasa, kebenaran awal mesti diperoleh daripada pengurus anda. Pastikan bahawa anda faham tuntutan sebarang tugas luar, dan bahawa anda dan pengurus anda berasa keupayaan anda untuk melaksanakan tugas-tugas PerkinElmer anda dengan cara yang amat baik tidak akan berkurangan jika anda meneruskan tugas itu di dalam atau di luar waktu kerja biasa.



PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN



Umum

Kita menjalankan perniagaan kita dengan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang digunakan. Setiap orang daripada kita bertanggungjawab secara peribadi dalam memenuhi kewajipan ini. Para pengurus mesti memastikan bahawa para kakitangan tahu apa yang diperlukan oleh undang-undang dan memahami kepentingan memastikan kelakuan mereka mematuhi undang-undang. Pematuhan terhadap undang-undang bukan merupakan keseluruhan tanggungjawab etika kita; ia merupakan syarat amat penting paling minimum, bagi melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab kita. Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai undang-undang atau peraturan tertentu, anda perlu menghubungi Jabatan Undang-Undang PerkinElmer.

Antipakatan

Kita mematuhi sepenuhnya undang-undang antipakatan yang digunakan untuk operasi kita di seluruh dunia. Prinsip dasar di sebalik undang-undang ini adalah jelas: sesiapa yang membeli barang di pasaran perlu boleh memilih daripada pelbagai produk pada harga kompetitif yang tidak dibatasi oleh sekatan-sekatan buatan di kalangan pesaing, seperti penetapan harga, peruntukan pelanggan, perjanjian untuk mengawal pengeluaran, monopoli dan kartel tidak sah, pemulauan dan pelarasan. Kita percaya kepada prinsip kegiatan perusahaan bebas dan bersaing ini dan amat komited kepadanya.

Undang-undang antipakatan dan persaingan adalah sangat teknikal dan berbeza-beza dari negara ke negara. Ringkasan undang-undang di bawah bertujuan untuk membantu kakitangan mengenali situasi yang mungkin menimbulkan implikasi antipakatan supaya mereka boleh merujuk kepada Jabatan Undang-Undang PerkinElmer.

Perbincangan tentang mana-mana topik berikut dengan pesaing, sama ada berkait dengan produk PerkinElmer atau pesaing, adalah dilarang: harga dahulu, sekarang dan masa depan, polisi harga, kadar sewa, bidaan, diskaun, promosi, keuntungan, kos, terma atau syarat jualan, royalti, waranti, pilihan pelanggan, pasaran wilayah, keupayaan atau rancangan pengeluaran, dan inventori.

Harga kompetitif patut diambil hanya daripada sumber sah selain daripada pesaing, seperti senarai yang telah diterbitkan dan para pelanggan kita.

Jika di mana-mana mesyuarat persatuan perdagangan, anda menyedari mengenai sebarang perbincangan formal atau tidak formal di kalangan pesaing tentang, contohnya:

- harga
- diskaun
- peruntukan pelanggan
- perjanjian untuk mengawal pengeluaran
- pengecualian ahli
- terma dan syarat jualan
- keengganan menerima ahli atau berurusan dengan pelanggan
- penstandardan terma, waranti atau spesifikasi produk di kalangan ahli

anda perlu meninggalkan mesyuarat berkenaan dengan serta-merta, dan membawa isu ini kepada pengetahuan Jabatan Undang-Undang PerkinElmer. Sekatan ke atas perbincangan spesifikasi produk tidak akan berkaitan dengan organisasi penetapan standard yang diiktiraf yang menetapkan standard selain daripada untuk tujuan mengecualikan peserta pasaran.

PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Rujuk kepada Jabatan Undang-Undang PerkinElmer dan pihak pengurusan jualan kanan sebelum mewujudkan atau menamatkan hubungan dengan, atau enggan menjual kepada, peniaga, pengedar, pelanggan atau bakal pelanggan. Walaupun PerkinElmer bebas untuk memilih pelanggannya sendiri, pembatalan dan keengganan menjual boleh mengakibatkan pelanggaran antipakatan yang sebenar atau yang didakwa.

Pengedar dan peniaga boleh menjual semula produk PerkinElmer pada harga yang mereka tetapkan dengan berasingan, dan boleh mengendalikan barang kompetitif. Anda tidak boleh mencapai kata sepakat atau persetujuan dengan pengedar atau peniaga yang akan menentukan harga yang mesti dikenakan oleh pengedar atau peniaga ke atas pelanggan mereka. Had ke atas wilayah dan kelas pelanggan pengedar mesti disemak bersama Jabatan Undang-Undang PerkinElmer sebelum pelaksanaan.

Membuat pembelian daripada pembekal yang bergantung kepada persetujuan pembekal berkenaan untuk membeli daripada kita adalah melanggar polisi PerkinElmer.

Penggabungan, pengambilalihan dan usaha sama mungkin dibataskan atau dilarang oleh undang-undang antipakatan dalam beberapa keadaan tertentu. Oleh kerana faktor-faktor ekonomi dan perundangan yang kompleks akan memberi kesan kepada penilaian aktiviti ini, setiap transaksi seumpamanya mesti disemak terlebih dahulu dengan Jabatan Undang-Undang PerkinElmer.

Anti-Rasuah/Anti Sogokan

Akta Amalan-Amalan Rasuah Asing, Akta Antirasuah UK dan banyak undang-undang berkaitan yang lain, milarang PerkinElmer daripada menawarkan atau membayar wang atau apa-apa barang bermilai, secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana pegawai kerajaan asing, parti atau pegawai parti politik asing, atau calon bagi jawatan awam, untuk tujuan mendapatkan atau mengekalkan perniagaan secara salah atau mempengaruhi tindakan kerajaan yang menyebelahi PerkinElmer secara tidak wajar. Larangan bayaran sedemikian termasuk yuran perundingan, broker, pencari atau bayaran lain yang dibayar kepada pihak ketiga di mana dipercayai terdapat sebab mana-mana bahagian bayaran berkenaan akan diedarkan kepada atau untuk manfaat pegawai asing atau parti politik untuk tujuan tidak wajar.

Larangan ini tidak menghalang perbelanjaan munasabah dan bona fide untuk menyediakan sajian atau perjalanan kepada pegawai asing, selagi perbelanjaan berkenaan dibuat untuk tujuan memperkenalkan kakitangan kerajaan berkaitan kepada produk, perkhidmatan atau maklumat PerkinElmer, dan adalah sah di negara berkenaan dan mematuhi prosedur PerkinElmer tempatan. Selain itu, memberikan bayaran atau tip yang bernilai nominal kepada kakitangan kerajaan asing di peringkat rendah mungkin boleh diterima di bawah prosedur PerkinElmr tempatan, di mana ia merupakan adat atau amalan yang biasa diterima di negara tersebut untuk mempercepatkan pelaksanaan tugas kementerian yang rutin. Dilarang sama sekali untuk menawarkan kepada mereka sesuatu dengan tujuan, memperoleh layanan berat sebelah atau manfaat istimewa, yang tidak layak diterima oleh PerkinElmer. Anda mesti merekodkan dengan betul tujuan mana-mana perbelanjaan sebegini dan berbincang dengan Jabat-an Undang-Undang PerkinElmer sebelum membuat bayaran yang sedemikian.

Undang-undang Import/Eksport

Sebagai sebuah syarikat antarabangsa, PerkinElmer mesti prihatin terhadap undang-undang dan peraturan yang mempengaruhi aktiviti import dan eksport. Kegagalan untuk mematuhi peraturan ini boleh membawa akibat yang serius terhadap PerkinElmer, termasuk penalti pentadbiran dan/ atau jenayah yang berat, rampasan barang dan penafian keistimewaan eksport.

Jualan atau pemindahan produk PerkinElmer (termasuk perisian), perkhidmatan dan maklumat teknikal adalah tertakluk pada undang-undang kawalan dan peraturan eksport dan mungkin memerlukan lesen atau kelulusan. Pemindahan sedemikian boleh tertakluk pada terma dan syarat yang ketat dan mungkin dilarang dalam sesetengah kes.

Dasar kita adalah untuk tidak menjalankan perniagaan (langsung atau tidak langsung), tanpa kelulusan lebih awal daripada kerajaan dengan negara-negara atau pihak ketiga yang telah dikenal pasti sebagai dikenakan embargo, disekat, dinafikan atau dilarang daripada aktiviti import atau eksport. Produk kita tidak boleh dijual, secara langsung atau tidak langsung, untuk digunakan dalam aktiviti terlarang seperti penghasilan senjata kimia dan biologi, teknologi peluru berpandu, senjata nuklear atau alat letupan nuklear yang lain.



Selain itu, akses kepada atau pemindahan (sama ada dalam rangkaian subsidiari kita atau untuk pengedar kita, wakil lain atau pelanggan di seluruh dunia) data teknikal tertentu (contohnya, cetakan biru, manual) atau pengetahuan dan kemahiran teknikal, yang dianggap sebagai "teknologi terkawal" untuk tujuan eksport, mungkin dihadkan atau memerlukan kelulusan lesen di bawah undang-undang dan peraturan A.S. atau negara-negara di mana kita beroperasi sekarang. Setiap pengurus PerkinElmer bertanggungjawab memastikan pekerja mereka layak untuk mengakses teknologi terkawal.

Undang-undang A.S. juga melarang syarikat A.S. (dan subsidiari asing terkawal mereka) daripada mematuhi pemulauan ekonomi antarabangsa terhadap negara yang bersekutu dengan A.S. dan daripada memberikan maklumat berkenaan perhubungan perniagaan dengan negara-negara yang dipulaukan. Kita mesti melaporkan sebarang permintaan langsung atau tidak langsung untuk menyertai dalam pemulauan yang tidak diluluskan atau untuk maklumat yang berkaitan dengan pemulauan kepada Jabatan Perdagangan A.S. Jika terma sebarang transaksi rujuk kepada pemulauan sedemikian atau jika anda tidak pasti sama ada itu kesnya, anda hendaklah mendapatkan nasihat yang bersesuaian daripada Jabatan Undang-Undang PerkinElmer.

Undang-undang import/eksport sentiasa berubah dan boleh menjadi agak kompleks. Jika anda terlibat dalam penjualan antarabangsa produk PerkinElmer, pastikan penjualan diberi kelulusan sebenar dan semua transaksi didokumentasikan dengan penuh dan tepat. Jika anda mempunyai

pertanyaan mengenai sekatan ke atas jualan antarabangsa, keperluan lesen, yang mungkin merupakan "eksport" atau sebarang isu lain berkaitan import/eksport, hubungi Jabatan Undang-Undang PerkinElmer.

Perdagangan Sekuriti dan Orang Dalam

Sepanjang tempoh anda bekerja dengan PerkinElmer anda mungkin mendapat tahu tentang maklumat mengenai PerkinElmer atau syarikat lain (contohnya, pembekal, penjual atau sub-kontraktor) yang tidak diketahui umum. Penggunaan atau perdagangan sebarang maklumat bukan awam atau "dalaman" tentang PerkinElmer atau syarikat lain untuk manfaat kewangan atau manfaat lain anda adalah pelanggaran undang-undang dan polisi PerkinElmer. Undang-undang A.S. mengharamkan sesiapa pun yang mempunyai maklumat bukan awam yang "penting" mengenai sesebuah syarikat untuk mendagangkan saham atau sekuriti syarikat berkenaan atau mendedahkan maklumat demikian kepada orang lain yang mungkin berdagang.

Maklumat dalaman penting ialah maklumat yang tidak tersedia kepada orang awam dan secara munasabah dianggap akan mempengaruhi nilai pasaran saham sesebuah syarikat atau mempengaruhi keputusan pelabur. Maklumat sedemikian boleh termasuk maklumat bukan awam mengenai prestasi kewangan termasuk pendapatan dan tindakan dividen; pengambilalihan atau gabungan perniagaan lain; penjualan kepentingan; pengumuman besar produk baru; litigasi penting; dan kegiatan-kegiatan penting yang lain. Maklumat positif atau negatif mungkin penting.

Selain mematuhi undang-undang mengenai perdagangan dalaman, anda mesti turut mematuhi Dasar Perdagangan Sekuriti PerkinElmer, yang lebih terbatas. Contohnya, anda tidak boleh terlibat dalam kegiatan jualan "pendek" saham PerkinElmer (penjualan saham PerkinElmer yang bukan milik anda), kecuali sebagai sebahagian pelaksanaan opsyen saham "tanpa wang tunai" yang dibenarkan, dan anda tidak dibenarkan berdagang dalam opsyen, waran, taruhan, panggilan atau apa-apa jenis sekuriti terbitan atau instrumen yang dikaitkan dengan saham PerkinElmer.

Jika anda seorang pengarah, pegawai atau ditentukan sebagai kakitangan "terhad" PerkinElmer, anda juga tertakluk pada syarat-syarat tambahan seperti yang ditetapkan dalam Polisi Perdagangan Sekuriti PerkinElmer. Contohnya, polisi ini mengehadkan kemampuan anda pada tempoh-tempoh tertentu untuk membeli saham PerkinElmer, menjual saham untuk membeli saham PerkinElmer, menjual saham yang dibeli menurut pelaksanaan opsyen saham, atau terlibat dalam pelaksanaan opsyen saham "tanpa wang tunai". Juga, polisi ini memerlukan anda mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Penasihat Umum PerkinElmer sebelum berdagang saham PerkinElmer.

Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan

PerkinElmer komited untuk memelihara persekitaran dan kesihatan serta keselamatan kakitangannya, keluarga mereka, komuniti mereka dan orang ramai. PerkinElmer mewujudkan dan mengekalkan amalan-amalan pengurusan persekitaran, keselamatan dan kesihatan yang kukuh untuk mencapai matlamat ini dan memastikan pematuhan undang-undang, peraturan, dan perintah pihak penguasa kerajaan yang bertanggungjawab di mana sahaja PerkinElmer dan anak-anak syarikatnya beroperasi. Setiap pengurus bertanggungjawab membantu mencapai matlamat-matlamat ini dan memastikan organisasi PerkinElmer beroperasi menurut undang-undang dan polisi PerkinElmer. Kumpulan Keselamatan Persekitaran dan Kesihatan di dalam Jabatan Undang-Undang PerkinElmer menyediakan khidmat rundingan, pendidikan, pengawasan dan audit di seluruh dunia. Setiap kakitangan PerkinElmer

bertanggungjawab untuk bertindak atas kesedaran tentang keperluan persekitaran, keselamatan dan kesihatan dan pertimbangan yang bijak. Jika anda mengetahui tentang situasi yang berbahaya atau berpotensi untuk membahayakan atau yang melanggar undang-undang, walau sekecil mana pun, laporkan perkara berkenaan serta-merta kepada pengurus anda atau kepada kumpulan Keselamatan Persekitaran dan Kesihatan di Jabatan Undang-Undang PerkinElmer.

Aktiviti Politik

PerkinElmer menggalakkan semua pekerjaanya mengundi dan aktif dalam proses politik. Walau bagaimanapun, pelbagai undang-undang mengawal penggunaan dana korporat dan sumber berkaitan dengan pilihan raya. Sumbangan politik atau sumbangan yang dibuat atas nama PerkinElmer dilarang. "Sumbangan politik" termasuk bayaran langsung dan tidak langsung untuk menyokong calon politik bagi jawatan yang dipilih, pegawai atau parti politik. Selain bayaran wang tunai, sumbangan politik juga merangkumi kerja dijalankan oleh pekerja PerkinElmer semasa waktu kerja, penggunaan kemudahan atau kelengkapan PerkinElmer, pembelian tiket untuk acara pengumpulan dana, dan bayaran untuk iklan, percetakan dan perbelanjaan lain kempen. Dalam keadaan tertentu, di mana seseorang calon mungkin memberi pampasan kepada PerkinElmer atau tidak bertanding bagi jawatan persekutuan, kekecualian boleh diguna pakai.

Polisi ini khususnya merangkumi penggunaan aset PerkinElmer dan tidak bertujuan untuk mencegah atau menghalang kakitangan secara bersendirian daripada membuat sumbangan politik atau terbabit dalam aktiviti politik bagi diri mereka, selagi sumbangan atau aktiviti sedemikian tidak dikaitkan dalam apa juga cara kepada PerkinElmer. Kakitangan tidak akan dibayar balik secara langsung atau tidak langsung oleh PerkinElmer bagi sumbangan politik peribadi.

Jika anda berfikir hendak menggunakan aset korporat PerkinElmer atau jika anda mempunyai persoalan sama ada sesuatu perkara wajar atau tidak wajar, anda mesti menghubungi Jabatan Undang-Undang PerkinElmer sebelum mengambil tindakan.

KONFLIK KEPENTINGAN



Umum

PerkinElmer berharap anda bekerja dengan jujur dan ikhlas semasa waktu kerja yang ditetapkan di PerkinElmer untuk mengelakkan sebarang konflik kepentingan, yang dilarang. Konflik kepentingan berlaku apabila kepentingan peribadi anda mengganggu dalam apa juga cara, atau kelihatan mengganggu kepentingan syarikat secara keseluruhannya. Contohnya, anda perlu mengelakkan sebarang hubungan, pengaruh, kepentingan luar atau aktiviti yang mungkin menjelaskan keupayaan anda membuat keputusan yang objektif dan saksama semasa menjalankan tugas anda, atau mungkin mengakibatkan orang lain percaya keputusan anda tidak objektif. Anda juga mesti mengelakkan sebarang keadaan di mana anda atau ahli keluarga anda menerima faedah peribadi secara salah akaibat kedudukan anda di PerkinElmer. Anda tidak dibenarkan menjalankan aktiviti atau pelaburan pada bila-bila masa yang akan menimbulkan persoalan konflik kepentingan antara aktiviti atau pelaburan berkenaan dan tugas yang diberikan kepada anda di PerkinElmer.

Pada bila-bila masa konflik timbul, atau anda percaya konflik sedemikian akan timbul, anda perlu mendedahkan perkara berkenaan sepenuhnya kepada Penasihat Umum PerkinElmer atau wakil Penasihat Umum untuk memastikan sama ada konflik kepentingan wujud, dan jika benar, bolehkah tugas pekerjaan anda diatur supaya konflik atau kemungkinan dilihat sebagai konflik tidak mengganggu prestasi tugas anda, atau sama ada penepian konflik kepentingan diperlukan.

Penasihat Umum, dengan kerjasama ahli pengurusan kanan lain dan Audit Dalaman, akan menilai maklumat yang diberikan, konflik kepentingan yang dinyatakan dan fakta dan keadaan lain yang dianggap sesuai agar dapat membuat penentuan

yang selaras dengan Standard. Penasihat Umum akan kemudiannya memberitahu kakitangan dan pegawai atasan kakitangan, dan juga Ketua Pegawai Eksekutif akan penentuan yang telah dibuat. Sila ambil perhatian bahawa situasi konflik kepentingan melibatkan pegawai eksekutif atau pengarah akan dikendalikan selaras dengan seksyen "Prosedur Penyiasatan" di dalam Standard.

Situasi konflik kepentingan boleh muncul dalam pelbagai cara. Beberapa contoh termasuk yang berikut:

- sebarang kepentingan kewangan (selain daripada amaun kecil saham atau bon dalam syarikat awam berhad) pada mana-mana pembekal, penjual, pembekal perkhidmatan, pengedar atau peniaga, pelanggan atau pesaing
- sebarang hubungan khidmat nasihat, kontrak atau penggajian dengan mana-mana pelanggan, pembekal, penjual, pembekal perkhidmatan, pengedar atau peniaga, atau pesaing
- sebarang aktiviti perniagaan luar yang menyaingi PerkinElmer, atau menerima kesan penting daripada aktiviti perniagaan PerkinElmer
- penerimaan hadiah, gratuity atau hiburan yang lain daripada nilai sederhana daripada mana-mana syarikat yang mempunyai urusan perniagaan dengan kita
- sebarang pinjaman oleh PerkinElmer kepada, atau jaminan tanggungjawab oleh, mana-mana ahli keluarga mana-mana pegawai eksekutif atau pengarah

KONFLIK KEPENTINGAN

- sebarang jenis aktiviti luar yang mempersoalkan keupayaan anda menumpukan masa dan perhatian sewajarnya kepada tanggungjawab tugas anda dengan PerkinElmer
- perkhidmatan di Lembaga Pengarah bagi mana-mana syarikat mencari keuntungan, kecuali perkhidmatan dalam lembaga berkenaan telah diluluskan terlebih dahulu oleh Ketua Pegawai Eksekutif PerkinElmer
- berada dalam kedudukan menyelia, mengkaji semula, atau mempunyai pengaruh atas penilaian kerja, gaji, atau faedah saudara dekat atau orang yang mempunyai hubungan peribadi rapat dengan anda, di dalam PerkinElmer
- berada dalam kedudukan meletak atau mempengaruhi perletakan perniagaan PerkinElmer dengan syarikat milik anda atau keluarga anda atau peranan penting di dalam pengurusan.

Ahli Keluarga

Sesuatu yang menimbulkan konflik untuk anda berkemungkinan menimbulkan konflik jika ia berkait dengan ahli keluarga anda atau seseorang yang mempunyai hubungan peribadi rapat dengan anda. Anda atau ahli keluarga anda tidak dibenarkan mempunyai kepentingan peribadi di dalam apa-apa perniagaan yang anda uruskan sebagai sebahagian tugas anda di PerkinElmer, kecuali sama ada kepentingan itu sangat kecil (seperti pemilikan kurang daripada 1% saham biasa syarikat awam berhad) atau anda memperoleh penepian konflik kepentingan daripada Penasihat Umum PerkinElmer atau wakil Penasihat Umum atau, bagi pegawai eksekutif atau pengarah, daripada Lembaga Pengarah.

Peluang Korporat

Setiap pekerja dan pengurus PerkinElmer perlu bertanggungjawab kepada syarikat untuk memajukan minat yang sah apabila peluang berbuat demikian muncul. Anda tidak boleh mengambil kesempatan daripada peluang yang anda ketahui semasa bekerja dengan PerkinElmer yang akan menjelaskan kepentingan perniagaan pada masa ini atau masa depan PerkinElmer, seperti memperoleh harta yang mungkin ingin

diperoleh oleh PerkinElmer. Anda tidak dibenarkan bersaing dengan PerkinElmer.

Pekerjaan Luar

Dari semasa ke semasa, peluang mungkin timbul kepada kakitangan PerkinElmer untuk kerja atau memberi khidmat nasihat sambilan di luar PerkinElmer. PerkinElmer tidak melarang kegiatan-kegiatanyang sedemikian selagi ia tidak menjelaskan daya pengeluaran anda atau pelaksanaan tugas anda semasa waktu kerja yang ditetapkan untuk anda, selagi ia tidak mengganggu atau kelihatan mengganggu pertimbangan atau keupayaan anda untuk bertindak demi kepentingan PerkinElmer, atau sebaliknya mewujudkan suatu kepentingan konflik. Untuk mengelakkan daripada sebarang salah faham, kami menyarankan agar anda mendapat kelulusan daripada pengurus anda sebelum memulakan sebarang pekerjaan atau aktiviti khidmat nasihat sambilan. Juga, ingat bahawa anda perlu pada setiap masa, melindungi maklumat proprietary dan sulit PerkinElmer serta harta intelektualnya, seperti yang diuraikan lebih lanjut di bawah.

Rasuah, Hadiah dan Hiburan

Kakitangan PerkinElmer tidak boleh memberi atau menerima sebarang hadiah yang mungkin, atau mungkin kelihatannya, mempengaruhi hubungan atau keputusan perniagaan dengan cara yang tidak sewajarnya. Hadiah boleh merangkumi hadiah kecil-kecil promosi bernilai nominal yang luas diedarkan, yang anda boleh beri atau pun terima, sehingga ke rasuah, yang sememangnya tidak boleh anda beri atau terima. Tiada hadiah atau hiburan boleh ditawarkan kepada mana-mana kakitangan kerajaan persekutuan A.S., walau apa pun tujuan anda atau bagaimana interaksi tersebut ditanggap, melainkan anda mendapatkan kebenaran Jabatan Undang-Undang PerkinElmer terlebih dahulu. (Lihat juga "Hubungan dengan Kakitangan Kerajaan" di bawah.)Memberi atau menerima hadiah yang tidak sesuai atau bayaran yang tidak diluluskan mengaburi keobjektifan, menjelaskan hubungan perniagaan dan mungkin menyalahi undang-undang.

Kemudahan Perniagaan

Dalam perniagaan komersil, saling bertukar kemudahan perniagaan yang lazim, seperti makan dan hiburan, antara pembekal, pelanggan dan kakitangan PerkinElmer adalah boleh diterima

KONFLIK KEPENTINGAN

apabila ia berasaskan tujuan perniagaan yang jelas dan apabila perbelanjaan yang digunakan adalah pada tahap yang sederhana dan munasabah, tidak ditegah oleh undang-undang atau amalan perniagaan berkaitan pelanggan yang diketahui. Adalah menjadi tanggungjawab peribadi setiap kakitangan untuk memastikan bahawa penerimaan makan atau hiburan adalah sesuai dan tidak akan ditafsirkan dalam apa juga cara sebagai cubaan oleh pihak yang menawarkannya untuk mendapatkan layanan istimewa.

Menerima Hadiah

Anda mahu pun mana-mana ahli keluarga anda tidak boleh meminta atau menerima daripada pembekal, pelanggan, atau orang lain yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Syarikat, wang atau hadiah yang boleh mempengaruhi atau boleh secara munasabah nampak mempengaruhi hubungan perniagaan PerkinElmer dengan pembekal atau pelanggan berkenaan. Anda boleh menerima hadiah yang mempunyai nilai nominal, seperti hadiah kecil promosi yang lazimnya ditawarkan kepada orang lain yang mempunyai hubungan yang serupa dengan pelanggan atau pembekal berkenaan. Jika anda ditawarkan hadiah yang mempunyai lebih daripada nilai nominal atau bukan secara lazimnya ditawarkan kepada orang lain, atau wang, anda mesti memaklumkan pengurus anda serta-merta. Urusan sewajarnya akan dilakukan untuk mengembalikan atau membuang apa yang telah diterima, dan pembekal serta pelanggan akan diingatkan mengenai polisi hadiah PerkinElmer.

Memberi Hadiah

Anda tidak boleh memberi wang atau sebarang hadiah kepada mana-mana pembekal, pelanggan atau mana-mana organisasi jika dengan melakukannya akan mempengaruhi atau secara munasabah nampak mempengaruhi hubungan organisasi berkenaan dengan PerkinElmer. Walau bagaimanapun, anda boleh menyediakan hadiah yang mempunyai nilai nominal, seperti hadiah

kecil promosi PerkinElmer, jika ia tidak ditegah oleh undang-undang.

Hubungan dengan Kakitangan Kerajaan

PerkinElmer akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan gratuity kakitangan kerajaan di semua tempat dan negara di mana PerkinElmer beroperasi. Amalan-amalan yang diterima dalam persekitaran perniagaan komersil mungkin tidak boleh diterima keseluruhannya, dan mungkin melanggar undang-undang serta peraturan-peraturan tertentu, apabila kita berurusan dengan kakitangan kerajaan atau mereka yang bertindak bagi pihak kerajaan. Justeru, anda mesti menyedari, dan mematuhi, undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkaitan yang mengawal hubungan antara pelanggan dan pembekal kerajaan.

Justeru, anda mesti menyedari, dan mematuhi, undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkaitan yang mengawal hubungan antara pelanggan dan pembekal kerajaan. Lihat "Rasuah, Hadiah dan Hiburan" di atas. Memberi wang atau item yang mempunyai nilai kepada pegawai asing atau calon jawatan politik untuk tujuan mempengaruhi kerajaan asing adalah dilarang. Lihat "Akta Amalan-Amalan Rasuah Asing" di atas. Undang-undang A.S. juga melarang pemberian "sogokan," iaitu menawarkan atau menerima sesuatu yang mempunyai nilai kepada mana-mana kakitangan kerajaan A.S. atau asing untuk tujuan mendapatkan layanan istimewa berkaitan sesuatu kontrak kerajaan.

Anda tidak boleh membuat bayaran yang dilarang, walaupun jika kegagalan melakukannya akan meletakkan PerkinElmer dalam keadaan tidak menguntungkan atau jika anda beroperasi dalam negara di mana rasuah atau hadiah kepada pegawai kerajaan merupakan satu kelaziman sekali pun. Jika anda tidak pasti sama ada sesuatu bayaran yang diharapkan adalah sah dan sesuai, sentiasa dapatkan nasihat daripada Jabatan Undang-Undang PerkinElmer.

PERLINDUNGAN ASET PERKINELMER



Umum

Anda bertanggungjawab melindungi aset-aset PerkinElmer, termasuk aset fizikal seperti kemudahan, peralatan dan inventori, dan aset tak ketara seperti paten, hak cipta dan rahsia perniagaan. Ini memerlukan anda melindungi mana-mana peralatan milik Syarikat yang diamanahkan kepada anda atau mana-mana peralatan milik pembekal atau pelanggan yang diamanahkan kepada PerkinElmer. Gunakan dan selenggara aset-aset ini dengan penuh teliti dan rasa hormat, melindunginya daripada pembaziran, penyalahgunaan, kecurian dan kecuaian. Sentiasa prihatin terhadap kos dan peka kepada peluang untuk meningkatkan prestasi sambil mengurangkan kos. Aset-aset PerkinElmer hanya boleh digunakan untuk tujuan perniagaan yang sah. Penggunaan harta benda, kemudahan, peralatan, dan maklumat PerkinElmer bagi tujuan bukan PerkinElmer dibenarkan hanya setelah mendapat kelulusan pengurus yang mempunyai kuasa untuk memberikan penggunaan sedemikian. Anda bertanggungjawab untuk mematuhi keperluan perlesenan hak cipta perisian yang digunakan dalam menjalankan pekerjaan dan untuk memastikan bahawa tidak ada salinan tidak dibenarkan perisian komputer berlesen dibuat.

Ketepatan Buku dan Rekod dan Laporan Awam

Kakitangan, pegawai dan pengarah mesti secara jujur, tepat dan lengkap melaporkan semua transaksi perniagaan. Anda bertanggungjawab terhadap kelengkapan dan ketepatan rekod dan laporan anda. Maklumat yang tepat dan lengkap adalah penting kepada keupayaan Syarikat untuk memenuhi kewajipan undang-undang dan kawalan.

Semua buku, rekod dan akaun Syarikat mesti disediakan dengan mematuhi semua peraturan, standard dan polisi perakaunan dan kewangan

PerkinElmer yang digunakan, dan mesti secara tepat menggambarkan bentuk transaksi yang direkodkan. Ini adalah mandatori, tanpa mengira sama ada rekod-rekod ini akan mendedahkan pencapaian yang mengecewakan atau kegagalan untuk memenuhi tahap keuntungan yang dijangkakan. Sebarang cubaan untuk melindungi pencapaian operasi yang sebenar dengan menggambarkan hasil, perbelanjaan, aset atau liabiliti secara tidak tepat tidak akan diizinkan. Penyata kewangan Syarikat akan mematuhi peraturan-peraturan perakaunan yang diterima umum dan polisi perakaunan Syarikat. Tiada akaun atau dana yang tidak didedahkan atau direkodkan boleh diwujudkan bagi sebarang tujuan. Tiada entri salah atau mengelirukan boleh dimasukkan dalam buku atau rekod Syarikat bagi sebarang sebab, dan tiada pembayaran dana korporat atau harta korporat lain boleh dibuat tanpa dokumentasi sokongan secukupnya.

Adalah merupakan polisi Syarikat untuk menyediakan pendedahan penuh, adil, tepat, menepati masa dan boleh difahami dalam semua laporan dan dokumen yang difaillkan dengan, atau dikemukakan kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa dan dalam komunikasi awam lain.

Kebanyakan daripada anda diminta untuk merekodkan masa yang digunakan setiap hari bagi setiap kerja yang anda lakukan. Rekod ini adalah amat penting. Ia akan merupakan rekod yang sebenar dan jujur mengenai jumlah masa yang anda gunakan untuk melakukan setiap kerja. Selain menjadi rekod kehadiran anda dan jumlah masa yang digunakan bekerja untuk tujuan pengiraan gaji anda, rekod masa selalunya merupakan asas untuk menyediakan bil kepada pelanggan-pelanggan kita. Memalsukan rekod adalah penipuan, dan

PERLINDUNGAN ASET PERKINELMER

boleh mengakibatkan liabiliti sivil atau jenayah. Perbelanjaan perniagaan perlu didokumenkan bersama resit, seperti diperlukan oleh peraturan Syarikat dan hanya perbelanjaan perniagaan yang sah boleh dimasukkan ke dalam laporan perbelanjaan anda. Anda bertanggungjawab terhadap ketepatan setiap rekod dan laporan anda. Jika anda mempunyai masalah mengenai sistem penyimpanan rekod masa anda, sila berbincang dengan pengurus anda serta-merta.

Urusan dengan Juruaudit Bebas

Tidak ada mana-mana kakitangan, pegawai atau pengarah akan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, secara sengaja membuat kenyataan salah atau mengelirukan atau mengeluarkan sebarang fakta penting kepada seseorang akauntan yang berkaitan dengan mana-mana audit, semakan atau pemeriksaan penyata kewangan PerkinElmer atau penyediaan atau pemfailan mana-mana dokumen dengan SEC. Selain itu, tidak ada mana-mana kakitangan, pegawai atau pengarah akan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mengambil sebarang tindakan untuk memaksa, memanipulasi atau mempengaruhi secara penipuan mana-mana akauntan bebas awam atau akauntan awam bertauliah yang terlibat dalam melaksanakan audit atau semakan penyata kewangan PerkinElmer.

Privasi Pekerja

PerkinElmer menghormati privasi anda. Rekod kakitangan dan perubatan, gaji, faedah sampingan, dan terma-terma pekerjaan adalah dianggap sulit dan akses kepada maklumat sedemikian adalah terbatas. Maklumat peribadi biasanya diberikan kepada pihak luar hanya dengan kebenaran kakitangan, kecuali PerkinElmer dan individu yang diberikan kuasa boleh juga memberikan maklumat peribadi untuk mengesahkan pekerjaan, untuk memenuhi keperluan sah sesebuah syarikat atau entiti lain yang mengambil alih beberapa operasi perniagaan PerkinElmer, atau atas sebab penyiasatan, perniagaan atau undang-undang yang sesuai.

Item, mesej atau maklumat peribadi yang anda anggap peribadi hendaklah tidak diletakkan atau disimpan di mana-mana di tempat kerja PerkinElmer, seperti di dalam sistem telefon, sistem komputer, meja atau pejabat. Pihak pengurusan PerkinElmer mempunyai hak untuk mengakses kawasan-kawasan ini dan mana-mana kemudahan

PerkinElmer yang lain. Walau bagaimanapun, kakitangan tidak boleh mengakses ruang kerja kakitangan lain, termasuk fail elektronik, tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada pihak pengurusan.

Maklumat Proprietari

PerkinElmer melindungi maklumat proprietari dan maklumat rahsia lain dan rahsia perniagaan, dan anda bertanggungjawab melindungi aset-aset ini. Semuanya merupakan harta Syarikat yang tidak boleh didedahkan atau diberikan kepada orang lain di luar Syarikat walaupun selepas meninggalkan pekerjaan di PerkinElmer.

“Maklumat proprietari dan maklumat rahsia lain” termasuk perkara-perkara seperti: Maklumat teknikal dan saintifik PerkinElmer yang berkaitan dengan produk semasa dan masa depan; perkhidmatan atau penyelidikan; rancangan atau unjuran perniagaan atau pemasaran; pendapatan atau data kewangan lain; maklumat mengenai pelanggan atau penjual; dan maklumat yang dibekalkan oleh pelanggan atau penjual.

Untuk mengelakkan pendedahan yang tidak sengaja, anda tidak boleh sama sekali membincangkan sebarang maklumat individu yang tidak dibenarkan yang dianggap rahsia oleh PerkinElmer atau yang tidak didedahkan kepada umum oleh PerkinElmer. Tambahan lagi, anda tidak boleh membincangkan maklumat sedemikian walaupun dengan kakitangan PerkinElmer yang dibenarkan jika anda berada bersama orang lain yang tidak dibenarkan. Anda juga tidak boleh membincangkan maklumat sedemikian dengan ahli-ahli keluarga atau rakan, yang mungkin tanpa niat jahat atau secara tidak sengaja memberikan maklumat berkenaan kepada orang lain.

Maklumat proprietari yang diterima daripada pelanggan dan pembekal mesti turut dilindungi. Jika anda masuk ke PerkinElmer daripada syarikat lain, kami mengharapkan anda menggunakan pertimbangan yang serupa bagi rahsia perniagaan bekas majikan anda. PerkinElmer menghormati bekas majikan anda serta hak rahsia perniagaannya. Kami mengharapkan agar anda tidak mendedahkan apa-apa pun mengenai produk atau proses proprietari atas alasan yang sama, sama seperti kami mengharapkan anda memastikan hak PerkinElmer kekal eksklusif. Jika terdapat kekangan terhadap aktiviti anda akibat daripada pekerjaan sebelum ini, ini hendaklah

PERLINDUNGAN ASET PERKINELMER

didedahkan secara bertulis kepada pengurus anda sebelum memulakan pekerjaan anda dengan PerkinElmer.

Jangan sekali-kali memberikan maklumat rahsia mengenai PerkinElmer kepada mana-mana pihak luar atau menerima maklumat sedemikian daripada sesiapa kecuali PerkinElmer mempunyai perjanjian kerahsiaan yang mengikat dengan pihak berkenaan. Apabila anda mempunyai pengetahuan mengenai maklumat rahsia milik PerkinElmer atau syarikat lain, anda mesti merahsiakannya. Ia tidak boleh didedahkan walaupun kepada kakitangan PerkinElmer, kecuali dibenarkan di bawah perjanjian berkenaan dan kecuali pendedahan diperlukan bagi tujuan perjanjian berkenaan.

Hak Harta Intelektual PerkinElmer

Salah satu sebab kakitangan dibayar gaji adalah kerana berfikir mengenai pekerjaan mereka; untuk merenung dan berfikir mengenai bagaimana untuk menyediakan produk yang lebih berkualiti, mempunyai hayat lebih panjang, atau kos lebih rendah. Beberapa kakitangan ditugaskan secara khusus untuk membangunkan produk atau kaedah baru. Sekali-sekala, beberapa produk, kaedah, atau idea baru untuk penambahbaikan akan boleh dipatenkan.

Apabila anda menyertai PerkinElmer, anda diperlukan untuk menandatangani satu perjanjian

di mana anda, sebagai kakitangan PerkinElmer, mengambil tanggungjawab berkaitan harta intelektual serta cara mengendalikan maklumat rahsia. Antara lain, di dalam perjanjian ini, anda memberikan kepada PerkinElmer semua hak, gelaran, dan kepentingan anda di dalam harta intelektual yang anda bangunkan apabila anda diambil bekerja dalam kapasiti tertentu. Harta intelektual yang anda berikan termasuk perkara seperti idea, inovasi, program komputer dan dokumen yang berkaitan dengan perniagaan, penyelidikan dan pembangunan PerkinElmer atau yang dicadangkan oleh, atau terhasil daripada kerja anda bagi tugas yang anda lakukan untuk, atau bagi pihak PerkinElmer. Harta intelektual berkenaan mesti dilaporkan kepada PerkinElmer, dan harta berkenaan mesti dilindungi seperti mana-mana maklumat proprietari lain milik PerkinElmer. Semua permohonan paten berkaitan harta intelektual berkenaan hendaklah difailkan oleh atau dengan kelulusan Jabatan Undang-Undang PerkinElmer. Walau bagaimanapun, jika anda percaya idea, ciptaan atau program komputer anda tidak tergolong di dalam kepentingan perniagaan PerkinElmer yang sebenar atau yang dijangkakan, ataupun terhasil daripada mahupun dicadangkan oleh, mana-mana tugas kerja anda di PerkinElmer, anda perlu membincangkannya dengan Jabatan Undang-Undang PerkinElmer.



TRANSAKSI DENGAN KERAJAAN A.S.



Umum

Etika perniagaan yang baik, produk berkualiti dan integriti dalam memenuhi komitmen adalah penting baik kepada kerajaan maupun perniagaan komersil. Walau bagaimanapun, pembekal kepada agensi-agensi kerajaan mempunyai keperluan tambahan yang tidak selalunya terdapat dalam transaksi komersil standard. Adalah menjadi polisi PerkinElmer untuk mematuhi semua undang-undang, peraturan dan peruntukan kontrak A.S. yang berkaitan. Beberapa perkara yang memerlukan perhatian khusus adalah seperti berikut.

Kos

Dalam transaksi komersil, biasanya tidak diperlukan agar kos yang berkaitan dengan sesuatu produk atau perkhidmatan dijustifikasi kepada pelanggan sama ada sebelum harga dirundingkan atau selepas transaksi berkenaan diselesaikan. Walau bagaimanapun, dalam perniagaan kerajaan yang terunding, harga tetap atau sebaliknya, kerajaan selalunya berhak mengaudit anggaran yang digunakan dalam menentukan harga yang dicadangkan di samping kos yang digunakan dalam melaksanakan kontrak berkenaan. Selain itu, batasan-batasan tertentu dikenakan terhadap kos yang dibenarkan bagi kontrak kerajaan yang tidak dimasukkan pada transaksi komersil biasa.

Hanya kos dibenarkan yang dicaj dengan betul kepada sesuatu kontrak boleh dibilang atau dibayar kembali oleh Kerajaan A.S., dan hanya bahagian kos yang berkaitan secara khusus kepada kerja kerajaan yang terlibat boleh dikemukakan. Contoh caj kos yang tidak betul termasuk data salah atau tidak betul dalam kategori-kategori berikut: caj sub-kontraktor, klasifikasi kos antara kategori langsung dan tidak langsung, penghantaran akaun perbelanjaan, dan caj bagi masa dan bahan.

Ingat bahawa memperuntukkan kos yang betul adalah sama pentingnya dengan mengelakkan bil yang berlebihan. Dan juga, maklumat kita hanya boleh dikemukakan jika dilindungi dengan sempurna daripada pendedahan yang tidak wajar oleh sesebuah agensi kerajaan atau kontraktor peringkat lebih tinggi.

Cadangan dan Kos atau Data Penentuan Harga

Selain keperluan umum yang memerlukan data yang dikemukakan kepada Kerajaan A.S. tidak boleh salah atau mengelirukan, terdapat beberapa keperluan khusus berkaitan penyerahan dan pendedahan data kos dan penentuan harga bagi menyokong cadangan dan rundingan kontrak.

Kakitangan PerkinElmer yang terlibat, secara langsung atau tidak langsung, dalam menyediakan sesuatu cadangan mesti mengambil langkah berjaga-jaga secukupnya untuk memastikan agar data kos atau penentuan harga adalah mutakhir, tepat dan lengkap; didedahkan dengan betul kepada wakil kerajaan, dan disimpan selama yang sesuai. Terdapat juga sekatan-sekatan terperinci dalam semua perolehan persekutuan berkaitan pemilikan, cubaan untuk memperoleh dan pendedahan maklumat pemilihan sumber kerajaan dan maklumat proprietari syarikat. Maklumat kerajaan boleh diperoleh hanya seperti yang dibenarkan untuk hebahan oleh agensi kerajaan yang terlibat.

Integriti Produk

Penyimpangan daripada spesifikasi kontrak yang diguna pakai berkaitan produk, komponen, bahan, ujian, atau penyimpangan lain, tanpa kelulusan kerajaan terlebih dahulu secara bertulis, adalah dilarang.

TRANSAKSI DENGAN KERAJAAN A.S.

Hubungan dengan Kakitangan Kerajaan

Setiap agensi Kerajaan A.S. mempunyai peraturan yang melarang kakitangan agensi daripada menerima hiburan, hadiah, gratuity, bayaran atau sumbangan biasa perniagaan lain yang mungkin diterima dalam sektor komersil, **walaupun ia hanya mempunyai nilai nominal**. Peraturan yang tersurat dan tersirat mesti difahami dan dipatuhi oleh PerkinElmer dan kakitangannya.

Pengambilan Bekas Kakitangan

Kerajaan dan Tawaran Pekerjaan kepada Kakitangan Kerajaan Semasa

Semua undang-undang dan peraturan yang meliputi pengajian bekas kakitangan kerajaan oleh PerkinElmer mesti dipatuhi untuk mengelakkan sebarang kemungkinan konflik kepentingan. Peraturan-peraturan ini melarang pengambilan atau membataskan tugas-tugas yang diberikan kepada dan yang dilakukan oleh individu-individu ini. Dalam perkara melibatkan pegawai-pegawai perolehan kerajaan semasa, PerkinElmer tidak boleh sama sekali membincangkan peluang pekerjaan atau perniagaan dengan mereka semasa tempoh tertentu, seperti ketika sedang mempertimbangkan atau mempunyai kuasa untuk mempengaruhi sesuatu keputusan yang memberi kesan kepada PerkinElmer. Adalah menjadi tanggungjawab kakitangan PerkinElmer yang bertanggungjawab untuk pengambilan bekerja agar memahami dan mematuhi peraturan berkaitan pengambilan kakitangan kerajaan semasa atau bekas kakitangan kerajaan.

Semua sekatan terhadap tugas kerja atau aktiviti bagi pihak PerkinElmer, yang dikenakan akibat pekerjaan sebelum ini dalam kerajaan atau di tempat lain, hendaklah didedahkan secara bertulis sebelum memulakan pekerjaan. Adalah menjadi tanggungjawab calon pekerja untuk mendedahkan

hubungan ini kepada PerkinElmer dan agar pasti bahawa tidak terdapat tugas yang dilakukan bagi pihak PerkinElmer yang akan bertentangan dengan peraturan kerajaan. PerkinElmer tidak akan secara sengaja memberikan tugasan sedemikian.

Maklumat Keselamatan Kerajaan

Setiap seorang daripada kita yang mempunyai akses kepada maklumat terhad kerajaan perlu bertanggungjawab melindungi keselamatan maklumat berkenaan.

Ini bermakna kerja berkenaan hanya boleh dibincangkan dengan individu yang mempunyai pelepasan keselamatan kerajaan yang diperlukan serta mempunyai keperluan jelas, bona fide untuk membincangkan kerja berkenaan. Anda mesti mematuhi prosedur keselamatan untuk melindungi terhadap akses yang tidak dibenarkan kepada data lain, seperti yang disimpan secara elektronik dan boleh diakses melalui intranet atau yang disimpan dan bentuk fizikal. Pelanggaran peraturan keselamatan adalah kesalahan serius. Pengurus anda akan menerangkan prosedur dan polisi keselamatan yang perlu dipatuhi di lokasi anda. Sila berbincang dengan pengurus anda, jika pada bila-bila masa anda keliru dengan peraturan-peraturan keselamatan, atau mengenai sama ada perlu atau tidak anda membincangkan kerja anda dengan seseorang.

Walaupun kebanyakan maklumat sulit yang diterima oleh PerkinElmer adalah daripada Kerajaan A.S. atau kontraktornya, tanggungjawab ini meliputi maklumat sulit yang diamanahkan kepada PerkinElmer oleh semua kerajaan dan kontraktor mereka. Kita juga mesti menghormati sepenuhnya peraturan-peraturan ketat kerajaan mengenai mereka yang boleh mempunyai akses kepada, dan memiliki, salinan data sulit atau data sensitif pertahanan lain.

HUBUNGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI KORPORAT

PerkinElmer merupakan syarikat dagangan awam dan undang-undang sekuriti mengawal komunikasi dengan pemegang-pemegang saham PerkinElmer. Komunikasi daripada mana-mana pemegang saham atau penasihat pelaburan yang meminta maklumat berkaitan dengan PerkinElmer hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Hubungan Pelabur PerkinElmer untuk dikendalikan dengan sewajarnya. Mana-mana

kakitangan yang diminta membuat kenyataan oleh mana-mana kakitangan media perlu turut merujukkan permintaan berkenaan kepada Jabatan Komunikasi Korporat PerkinElmer. Adalah menjadi polisi PerkinElmer untuk tidak memberi komen atau memberi respons kepada pertanyaan atau khabar angin mengenai kemungkinan pembangunan atau transaksi korporat sehingga pengumuman umum telah dibuat.

Sebagai pengarah, pegawai atau kakitangan PerkinElmer, anda mempunyai kewajipan untuk melaporkan tingkahlaku yang anda, secara ikhlas, percaya melanggar undang-undang, peraturan-peraturan, Standard-standard ini, atau polisi-polisi PerkinElmer, termasuk sebarang perkara berkaitan perakaunan atau pengauditan. Laporan-laporan berkenaan boleh dibuat tanpa nama.

Anda tidak akan terdedah kepada tindakan balas kerana melaporkan, secara ikhlas, maklumat yang anda percaya melanggar undang-undang, peraturan-peraturan atau Standard-standard ini. PerkinElmer tidak akan mengambil tindakan disiplin, mendiskriminasikan atau bertindak balas terhadap mana-mana kakitangan kerana melaporkan sesuatu aduan atau kebimbangan, kecuali dipastikan bahawa laporan berkenaan dibuat dengan pengetahuan bahawa ia tidak benar.

Kita semua bertanggungjawab terhadap tatalaku perniagaan kita dan berisiko kehilangan pekerjaan kita jika kita gagal, walaupun buat pertama kali, untuk mematuhi undang-undang yang diguna pakai kepada perniagaan kita dan mematuhi Standard yang dinyatakan di dalam dokumen ini. Hakikat bahawa pesaing kita mungkin bertindak secara berbeza bukan merupakan alasan untuk gagal mematuhi tahap tatalaku perniagaan yang diperlukan terhadap kakitangan PerkinElmer. Kita tidak berkompromi dalam melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab ini demi untuk mencapai pelan kewangan atau memaksimumkan keuntungan.

Prosedur Membuat Laporan

PerkinElmer menggalakkan kakitangannya untuk berbincang dengan pengurus mereka soalan-soalan mengenai tafsiran dan aplikasi Standard-standard ini dan untuk melaporkan kepada pengurus mereka sebarang pelanggaran yang disyaki. Setiap pengurus PerkinElmer mempunyai tanggungjawab istimewa untuk mewujudkan dan mengekalkan persekitaran kerja yang menggalakkan gelagat beretika dan komunikasi terbuka berkaitan isu-isu serta kebimbangan-kebimbangan etika. Anda dijemput untuk membincangkan semua soalan atau kebimbangan secara bebas dengan mana-mana pengurus PerkinElmer.

Walau bagaimanapun, jika anda tidak selesa berjumpa dengan pengurus anda, atau jika soalan atau kebimbangan anda tidak dikendalikan dengan memuaskan oleh pengurus anda, anda boleh:

- Menghubungi ketua Sumber Manusia atau Kewangan tempatan anda.
- Menghubungi terus salah satu sumber yang dirujuk di dalam dokumen ini atau individu serta jabatan yang disenaraikan di belakang dokumen ini.
- Hubungi dan tinggalkan mesej di Talian Telefon Penting Etika PerkinElmer:

Amerika Syarikat: 866-723-0561

Di luar Amerika Syarikat:

(+1) 781-663-6905

Panggilan ini adalah percuma di dalam Amerika Syarikat, tetapi merupakan panggilan tol di luar Amerika Syarikat.

- Hantar mesej menggunakan mel elektronik ke [ethics. hotline@perkinelmer. com](mailto:ethics.hotline@perkinelmer.com).

Kedua-dua Talian Penting dan peti mel elektronik dipantau oleh Jabatan Undang-Undang PerkinElmer dan akses kepada maklumat yang dikemukakan hanya dibolehkan kepada mereka yang perlu mengetahui maklumat berkenaan.

Jika pelanggaran yang dilaporkan melibatkan ahli Jabatan Undang-Undang atau pun anda ingin membuat laporan kepada seseorang di luar Jabatan Undang-Undang, anda boleh menghubungi Naib Presiden - Audit Dalaman di nombor telefon yang disenaraikan di hujung dokumen ini. Jika anda percaya bahawa pelanggaran yang didakwa terhadap undang-undang, peraturan-peraturan atau Standard-standard ini melibatkan pegawai atau pengarah syarikat ini atau pun cukup serius sehingga memerlukan perhatian Lembaga Pengarah, anda boleh menggunakan mana-mana saluran pelaporan yang digariskan di atas atau anda boleh menghubungi Ketua Lembaga Pengarah PerkinElmer dengan menghantar maklumat berkenaan kepada Lead Director, c/o Office of the General Counsel, 940 Winter Street, Waltham, MA 02451.

Anda boleh memberikan maklumat berkenaan tanpa nama sekiranya anda memilih berbuat demikian. Walau bagaimanapun, sila ambil maklum bahawa lazimnya lebih sukar untuk menyiasat sepenuhnya sesuatu isu yang ditimbulkan secara tanpa nama dan anda mungkin tidak dapat mengetahui keputusan penyiasatan berkenaan.

Dalam melaksanakan prosedur untuk membuat laporan, PerkinElmer berusaha untuk mematuhi undang-undang negara asing, termasuk tanpa batasan terhadap perundangan perlindungan data bagi Kesatuan Eropah dan Negara-negara ahlinya.

Prosedur Penyiasatan

Jika PerkinElmer menerima maklumat mengenai dakwaan pelanggaran undang-undang, peraturan-peraturan atau Standard-standard ini, Penasihat Umum (atau wakilnya) akan, dengan sewajarnya, bersama-sama dengan ahli-ahli pihak pengurusan kanan yang lain dan Audit Dalaman: (a) menilai maklumat sedemikian, (b) jika dakwaan pelanggaran itu melibatkan seorang pegawai atau pengarah eksekutif, memaklumkan Ketua Pegawai Eksekutif dan Lembaga Pengarah mengenai pelanggaran yang didakwa itu, (c) menentukan sama ada inkuiri tidak rasmi atau siasatan rasmi perlu dijalankan dan, jika demikian, memulakan inkuiri atau siasatan yang demikian dan (d) memastikan dapatkan inkuiri atau siasatan sedemikian, berserta dengan saranan tentang bagaimana menyelesaikan hal tersebut, dilaporkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif, atau jika dakwaan pelanggaran itu melibatkan seorang pegawai atau pengarah eksekutif, melaporkan dapatkan inkuiri atau siasatan yang sedemikian kepada Lembaga Pengarah atau jawatankuasanya. Kakitangan, pegawai dan pengarah dikehendaki bekerjasama sepenuhnya dengan sebarang inkuiri atau siasatan oleh PerkinElmer mengenai dakwaan pelanggaran Standard. Kegagalan untuk bekerjasama dengan inkuiri atau siasatan yang demikian boleh mengakibatkan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pembuangan.

PerkinElmer akan menentukan sama ada pelanggaran Standard telah berlaku dan, jika demikian, akan menentukan langkah-langkah disiplin yang akan diambil terhadap mana-mana kakitangan yang telah melanggar Standard. Sekiranya pelanggaran yang didakwa itu melibatkan seorang pegawai atau pengarah eksekutif, Lembaga Pengarah akan menentukan sama ada pelanggaran Standard telah berlaku, dan, jika demikian, langkah-langkah disiplin yang akan diambil terhadap pegawai atau pengarah eksekutif berkenaan. Sila maklum bahawa jika seseorang yang melaporkan dakwaan perlanggaran undang-undang, peraturan-peraturan atau Standard-standard ini, walau pun laporan itu bukan tanpa

nama, mungkin tidak akan diberitahu sama ada siasatan sedang dijalankan atau telah selesai, atau dapatkan siasatan berkenaan.

Kegagalan mematuhi Standard akan mengakibatkan tindakan disiplin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, teguran, amaran, percubaan atau pengantungan tanpa gaji, penurunan pangkat, pengurangan gaji, pembuangan dan pengembalian. Pelanggaran-pelanggaran Standard tertentu mungkin memerlukan PerkinElmer merujuk perkara tersebut kepada pihak berkuasa kerajaan atau pengawal selia berkaitan bagi siasatan atau pendakwaan. Tambahan pula, mana-mana penyelia yang mengarahkan atau meluluskan sebarang kelakuan yang melanggar Standard, atau yang mengetahui tentang kelakuan demikian dan tidak melaporkannya dengan segera, juga akan dikenakan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pembuangan.

Pengecualian dan Penepian

Walaupun beberapa polisi yang terkandung dalam Standard ini mesti dipatuhi sepenuhnya dan tiada kekecualian boleh dibenarkan, dalam kes-kes lain kekecualian mungkin wajar. Bagi penepian konflik kepentingan, prosedur-prosedur yang diterangkan di atas di dalam "Konflik Kepentingan" perlu dipatuhi. Mana-mana kakitangan yang percaya bahawa suatu kekecualian kepada mana-mana polisi in, selain daripada yang berkaitan dengan konflik kepentingan, adalah wajar dalam kes beliau perlu terlebih dahulu menghubungi penyelia terdekatnya. Jika penyelia bersetuju bahawa kekecualian adalah wajar, kelulusan bertulis Penasihat Umum mesti diperoleh terlebih dahulu. Penasihat Umum akan bertanggungjawab menyimpan rekod bagi semua permintaan untuk kekecualian daripada mana-mana polisi ini dan penyelesaian permintaan-permintaan sedemikian.

Mana-mana pegawai atau pengarah eksekutif yang ingin mendapatkan kekecualian daripada mana-mana polisi ini perlu menghubungi Penasihat Umum. Sebarang penepian Standard ini bagi pegawai atau pengarah eksekutif atau sebarang perubahan pada Standard ini yang diguna pakai kepada pegawai atau pengarah eksekutif hanya boleh dibuat oleh Lembaga Pengarah PerkinElmer dan akan didedahkan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang atau peraturan pasaran saham.

PENYEBARAN DAN PEMBETULAN

Standard-standard ini akan diterjemahkan ke berbilang bahasa dan akan tersedia kepada kakitangan PerkinElmer di laman web intranet PerkinElmer. Maklumat mengenai cara mengakses atau mendapatkan salinan Standard akan turut diberikan kepada setiap kakitangan, pegawai dan pengarah baru PerkinElmer semasa mereka mula bekerja atau mula mempunyai hubungan

lain dengan PerkinElmer. Standard juga akan tersedia kepada orang awam melalui laman web luar PerkinElmer di www.perkinelmer.com. PerkinElmer berhak untuk meminda, mengubah atau menamatkan Standard ini pada bila-bila masa tanpa sebarang sebab. Dokumen ini bukan kontrak pekerjaan antara PerkinElmer dan mana-mana kakitangan, pegawai atau pengaruhnya.

Untuk Maklumat Lanjut

Untuk bimbingan tambahan, sumber-sumber PerkinElmer berikut turut tersedia untuk anda.

Ketua Pegawai Eksekutif:	(+1) 781-663-5595
Ketua Pegawai Kewangan:	(+1) 781-663-5654
Penasihat Umum:	(+1) 781-663-5775
Hal Ehwal Pengawalan:	(+1) 781-663-5775
Pegawai Pengawal - Ketua Pegawai Perakaunan:	(+1) 781-663-5661
Audit Dalaman:	(+1) 781-663-5665
Komunikasi Korporat:	(+1) 781-663-5701
Hubungan Pelabur:	(+1) 781-663-5659
Sumber Manusia:	(+1) 781-663-5700